

Rashid Maidin sedia menetap di Malaysia

UM - 5 FEB 2002

Oleh ZAID MOHD. NOOR

YALA (Thailand) 4 Feb. — Bekas pemimpin Parti Komunis Malaya (PKM), Rashid Maidin dan pengikutnya sedia kembali menetap di Malaysia sekiranya kerajaan mempertimbangkan beberapa syarat yang ditetapkan termasuk elau sara hidup.

Menurutnya, syarat-syarat tersebut adalah tuntutan yang dikemukakan semasa perundingan penyerahan diri anggota komunis di Baling pada Julai 1955 dan perjanjian peletakan senjata di Haadyai pada tahun 1989.

Rashid, 85, berkata, antara syarat tersebut ialah elau sara hidup dan kemudahan asas lain yang berpatutan untuk menjamin kehidupan mereka selepas kembali ke tanah air.

Katanya, syarat lain ialah kerajaan tidak lagi melabelkan beliau, bekas Setiausaha Agung PKM, Chin Peng dan para pengikut mereka sebagai pengganas.

"Nak balik (ke Malaysia) mesti ada syarat, terutama sekali wang ringgit dan kedua, kemudahan. Kalau ada wang ringgit dan kemudahan maka hal itu kita boleh (kembali) jugalah."

"Selain itu, berilah kami taraf manusia, kita dah dianggap pengganas selama berpuluh tahun. Ini (seolah-olah) kami bukan manusia," katanya sambil memandang

isterinya, Salamah Abdullah, 75.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas dikunjungi oleh Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim di rumahnya di Kampung Chulaporn, Yaha dekat Yala semalam.

Semasa kunjungan itu, Shahidan turut melawat perkampungan tersebut yang mempunyai kira-kira 100 penduduk terdiri daripada bekas-bekas anggota PKM serta masjid di kampung itu yang sedang dalam pembinaan.

Rashid yang merupakan anak kelahiran Kampung Gunung Masa, Gopeng, Perak merupakan bekas Komander Rejimen Ke-10 PKM.

Gembira

Bekas pemimpin PKM itu bagaimanapun berkata, beliau melahirkan rasa gembira kerana bekas pengikut-pengikutnya yang telah kembali ke tanah air sebelum ini kini menikmati kehidupan yang selesa.

Jelasnya, kali terakhir beliau balik ke tanah air ialah dua tahun lalu selepas pulang daripada menunaikan ibadat haji.

Dalam pada itu beliau memuji kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang berjaya membangun negara dengan begitu cemerlang.

Katanya, beliau terharu dengan kejayaan Dr. Maha-

thir memimpin dan membangunkan Malaysia serta percaya Malaysia akan lebih maju pada masa hadapan sekiranya kerajaan yang ada sekarang terus diberi kepercayaan oleh rakyat.

"Kalau tidak itu (Mahathir), siapa lagi, nak cakap siapa, parti lain dan Datuk lain? Apa dia buat?" katanya.

Ketika ditanya mengenai kegiatan kumpulan militan KMM dan Al-Ma'unah, Rashid berkata, kegiatan yang dilakukan oleh kumpulan itu tidak patut wujud di Malaysia.

Menurutnya, kewujudan kumpulan tersebut boleh menyekat pembangunan negara dan boleh menghancurkan negara sekiranya kegiatan mereka dibiarkan.

Tambahnya, mereka yang menyertai kumpulan itu sepatutnya insaf dan menjadikan peristiwa yang berlaku di Afghanistan sebagai pengajaran.

"Dalam hal-hal begini (KMM dan Al-Ma'unah) tidak perlu wujud. Kalau wujud pun bukan membangun, sebaliknya hendak menyekat."

"Sampai ke mana dia boleh mencengkam... tidak sampai ke mana. Kalau dia boleh mencengkam pun serupa dengan Osama bin Laden. Osama boleh kata menang dalam rancangan mereka tapi Afghanistan jadi apa," ujarnya. — *Utusan*